



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/1/2020	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	SPAN / SADA / PAAB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kedah tidak berhasrat naikkan tarif air dalam masa terdekat

ALOR SETAR - Kedah tidak berhasrat menaikkan tarif air dalam masa terdekat, namun rundingan dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli berhubung mekanisme bersesuaian masih berjalan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kerajaan negeri telah menyatakan persetujuan untuk melanjutkan migrasi (penghijrahan) bekalan air kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bulan lalu.

Menurutnya, beberapa aspek masih diperhalusi bagi membolehkan Kedah dapat mengekalkan tarif sedia ada, tanpa mengikis operator air iaitu Syarikat Air Darul Aman (SADA).

“Setakat ini, kita belum pusingkan naikkan tarif air, rundingan belum dimuktamad kerana banyak pertimbangan harus diambil kira sebelum keputusan dibuat, walaupun surat persetujuan migrasi sudah dihantar Disember lalu,” kata-

nya pada sidang media di sini semalam.

Mukhriz berkata, antara aspek yang sedang diperhalusi adalah berkaitan hutang infrastruktur air negeri kepada kerajaan Persekutuan.

“Antara perkara utama yang diambil kira dalam proses migrasi adalah hutang berkaitan infrastruktur air yang masih ada. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk sejumlah hutang lama itu dihapus kira, namun kami ber-

pandangan masih ada infrastruktur lain seperti infrastruktur luar bandar yang boleh mohon untuk dihapus kira ini yang belum dimuktamadkan,” katanya.

Menurutnya, walaupun migrasi akan berlaku, namun rakyat Kedah tidak perlu bimbang kerana kadar tarif air ditentukan oleh kerajaan negeri.

“SADA akan uruskan agihan air manakala infrastruktur jadi hak milik PAAB. Apabila ber-

alih kepada PAAB tidak semestinya tarif air naik. Jika bebanan hutang masih tinggi yang perlu ditanggung oleh SADA dan kerajaan negeri, kemungkinan perlu disemak semula kadar itu, namun tidak akan dilakukan secara mendadak,” katanya.

Beliau berkata, sekiranya hutang berkenaan dapat dikurangkan tanpa menjejaskan operasi SADA, tiada keperluan untuk tarif air dinaikkan.